

12 AUG 2003

Rafie-Makmal

BAIK PULIH MAKMAL KOMPUTER TAK JEJAS PEMBELAJARAN DI SEKOLAH

SUBANG, 12 Ogos (Bernama) -- Kerja-kerja membaik pulih makmal komputer sekolah yang tidak selamat digunakan tidak akan menjejaskan pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah terbabit, kata Ketua Pengarah Pendidikan Datuk Abdul Rafie Mahat hari ini.

Beliau berkata pihak sekolah tetap meneruskan proses pembelajaran seperti biasa menggunakan komputer dalam kelas dan kaedah alternatif yang sesuai bagi menggantikan pembelajaran dalam makmal.

"Para pelajar dan guru akan gunakan komputer dalam kelas sehingga Jabatan Kerja Raya (JKR) beri arahan bahawa makmal itu selamat," katanya kepada pemberita selepas merasmikan seminar "Amalan Terbaik dan Inovasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik di Peringkat Sekolah Rendah" Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di sini.

Abdul Rafie berkata pemindahan komputer terbabit dari makmal ke dalam kelas itu penting bagi menjamin keselamatan pelajar dan mengelakkan perkara yang tidak diinginkan.

Jumaat lepas, Timbalan Ketua Pengarah I Badan Pencegah Rasuah (BPR) Datuk Mohd Zawawi Mohd Nordin berkata BPR yang menyiasat penyelewengan dalam pembinaan makmal komputer sekolah mendapati 50 peratus daripada 2,400 makmal yang sudah diperiksa mempunyai struktur bangunan tidak sempurna.

Berikutan itu, Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamad meminta BPR menyerahkan senarai makmal komputer sekolah yang telah dikenalpasti mempunyai struktur bangunan tidak sempurna dan tidak selamat digunakan.

Sabtu lepas, Musa berkata Kementerian itu turut mengarahkan semua 487 makmal di Kelantan, Pahang dan Terengganu tidak digunakan oleh pelajar untuk sementara waktu sehingga JKR mengesahkan makmal itu selamat.

Terdahulu di dalam ucaptamanya, Abdul Rafie berkata amalan terbaik dalam pengajaran dan pembelajaran memerlukan pemupukan kemahiran yang berkesan seperti suka bertanya, menyelesaikan masalah, mengemukakan soalan dan menganalisis secara kritikal masalah yang dikemukakan di bilik darjah.

"Untuk mencapai kejayaan dalam memupuk kemahiran ini, guru-guru perlu menggunakan strategi pengajaran yang berinovasi dan mewujudkan persekitaran bilik darjah yang positif dengan para pelajar diberikan peluang untuk meneroka dan memperolehi pengalaman dari apa yang mereka pelajari," katanya.

Abdul Rafie turut menyarankan golongan pendidik supaya menggunakan kaedah yang lebih menarik dan mudah difahami bagi meningkatkan minat pelajar dalam subjek Sains dan Matematik, selaras dengan dasar Kementerian mewujudkan nisbah 60 peratus pelajar Sains dan 40 peratus pelajar Sastera.

Seminar dua hari itu merupakan sebahagian dari usaha berterusan untuk mempertingkatkan kualiti pendidikan dalam ekonomi anggota Apec dan bagi memahami bagaimana pendekatan pendidikan berfungsi dalam konteks budaya yang berbeza.

Lebih 250 peserta dari Malaysia, Amerika Syarikat, Korea Selatan, Singapura, New Zealand, Australia, Jepun, Indonesia dan Filipina menyertai seminar itu.

-- BERNAMA

RW RV ROS